



Rujukan: UKM.AKA.100-1/3/4
Tarikh: 3 November 2025

PEKELILING AKADEMIK BIL. 38/2025

Dekan/Pengarah

Fakulti/Institut/ Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Dato'/Datuk/Datin/Dr./Tuan/Puan,

PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PENILAIAN KEUPAYAAN PENGAJIAN PELAJAR 2025

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat ke-523 pada 24 September 2025 telah meluluskan pemakaian Garis Panduan Penilaian Keupayaan Pengajian Pelajar 2025 bagi menguruskan kes pelajar yang menghadapi isu kesihatan fizikal atau mental yang boleh menjejaskan kelangsungan pengajian. Garis panduan berkaitan adalah seperti di Lampiran A.

3. Garis Panduan Penilaian Keupayaan Pengajian Pelajar 2025 boleh dirujuk oleh Fakulti/Institut/Pusat (F/I/P) dalam menilai keupayaan pelajar dan mengesyorkan beberapa pilihan sokongan akademik yang bersesuaian untuk menjamin kebajikan pelajar dan kualiti program. Pelaksanaan garis panduan ini berkuat kuasa mengikut tarikh kelulusan Senat iaitu pada 24 September 2025 dan digunapakai kepada semua pelajar yang mendaftar.

4. Untuk makluman, pekeliling ini boleh dimuat turun melalui laman sesawang Pusat Pengurusan Akademik di pautan (<https://www.ukm.my/akademik/pekeliing-akademik-ukm/>). Fakulti/Institut/Pusat(F/I/P) adalah bertanggungjawab untuk menyampaikan makluman ini kepada semua kakitangan dan pensyarah yang berkaitan.

5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./Prof.Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

PROFESOR MADYA DR. IRMAN ABDUL RAHMAN

Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik



PEJABAT PENGARAH

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8040 E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
 - Penasihat Undang-undang,
Pejabat Penasihat Undang-undang
 - Pengarah,
Pusat Kesihatan UKM
 - Pengarah,
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan dan Profesional (UKMShape)
 - Pengarah,
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah,
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
 - Pengarah,
Pusat Teknologi Maklumat (PTM)
 - Pengarah,
Pusat Hal-ehwal Pelajar (HEP)
 - Timbalan Pengarah (Governans Akademik),
Pusat Pengurusan Akademik
 - Ketua Pentadbiran,
Fakulti/Institut/Pusat
 - Pegawai Tadbir (Pengajian Prasiswazah dan Pascasiswazah),
Fakulti/Institut/Pusat
 - Ketua Bahagian Hasil,
Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2022

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel: +603-89118284/8388/8450/8451/8452/8454/8458/8459/8460/8461

E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik



GARIS PANDUAN PENILAIAN KEUPAYAAN PENGAJIAN PELAJAR

Pusat Pengurusan Akademik
Universiti Kebangsaan Malaysia
2025

ISI KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	3
2.0	LATAR BELAKANG	3
3.0	TAFSIRAN	4
4.0	SKOP	4
5.0	JAWATANKUASA	5
6.0	TATACARA PENILAIAN	6
7.0	AKTA, PERLEMBAGAAN UNIVERSITI, STATUT, KAEDAH, PERATURAN DAN LAIN-LAIN	7
8.0	PENGUATKUASAAN	8
9.0	SUMBER RUJUKAN	8
	LAMPIRAN A: CARTA ALIR	9
	LAMPIRAN B : JAWATANKUASA GARIS PANDUAN	10
	LAMPIRAN C: BORANG SEMAKAN KES	11
	LAMPIRAN D: BORANG PENILAIAN KEUPAYAAN PENGAJIAN PELAJAR	14

GARIS PANDUAN PENILAIAN KEUPAYAAN PENGAJIAN PELAJAR

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Garis panduan ini adalah sebagai rujukan kepada pihak Universiti dalam mengendalikan situasi di mana terdapat kebimbangan mengenai keupayaan pelajar untuk meneruskan pengajian, termasuk kes di mana pelajar sendiri tidak menyedari kemampuan mereka untuk belajar.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjana Muda) 2024 di bawah peraturan 11 dan Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021 di bawah peraturan 19, pelajar boleh memohon untuk menangguhkan pengajian atas sebab yang munasabah seperti masalah kesihatan, peribadi, kewangan dan kekeluargaan dan tempoh penangguhan ini tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pengajian yang ditetapkan.
- 2.2 Tertakluk kepada bukti sokongan, penangguhan pengajian pelajar Pascasiswazah dibenarkan antara satu (1) hingga empat (4) semester, tertakluk kepada kelulusan Fakulti, Institut atau Pusat dengan tambahan satu (1) semester tertakluk kepada kelulusan Senat, manakala bagi pelajar Sarjana Muda, penangguhan pengajian dibenarkan antara satu (1) hingga empat (4) semester kecuali atas sebab kesihatan.
- 2.3 Memandangkan terdapat isu berkaitan tempoh pengajian pelajar kerana penangguhan atas sebab kesihatan yang tidak dapat diselesaikan di peringkat Fakulti, Institut atau Pusat, satu Jawatankuasa *Taskforce Fit For Study* ditubuhkan hasil daripada perbincangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Akademik (JPPA) ke-276, bertarikh 11 Januari 2023 dan Mesyuarat TNC (HEAA) Bersama Dekan dan Pengarah di bawah Portfolio TNC HEAA Bil.2/2023 bertarikh 13 Februari 2023.
- 2.4 Jawatankuasa *Taskforce Fit For Study* mencadangkan penubuhan jawatankuasa bebas untuk menilai dan memberi input holistik kepada JKAS dan Senat mengenai isu-isu kesihatan fizikal dan mental pelajar daripada pelbagai aspek. Jawatankuasa telah membangunkan garis panduan ini, yang memfokus kepada:
 - a) terma rujukan yang jelas dalam menilai keupayaan dan kesesuaian pelajar untuk meneruskan pengajian;
 - b) panduan kepada Fakulti, Institut atau Pusat (F/I/P) untuk membuat pertimbangan dalam menilai kes berkaitan keupayaan pengajian pelajar bagi menjamin ketelusan dalam keputusan yang dibuat; dan
 - c) khidmat sokongan kepada pelajar bagi mengenal pasti keupayaan mereka untuk meneruskan pengajian.

3.0 TAFSIRAN

Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain–

“**Keupayaan untuk belajar**” merujuk kepada keadaan di mana pelajar dapat memanfaatkan kapasiti mereka sebagai individu untuk menyertai secara sepenuhnya dalam pengajian akademik serta berinteraksi dengan komuniti universiti secara umum;

“**Merit**” merupakan konsep perundangan yang merujuk kepada keadaan asal sifat sesuatu kes sama ada benar atau sebaliknya, tanpa sebarang unsur berat sebelah baik dari segi teknikal mahupun emosional;

“**Pelajar**” ertinya seseorang pelajar berdaftar di Universiti yang mengikuti pengajian prasiswazah dan pascasiswazah di Universiti bagi suatu program;

“**Penangguhan Pengajian**” ertinya tempoh sementara pelajar dibenarkan untuk tidak mendaftar dan mengikuti pengajian;

“**Pertukaran Program Terpaksa**” ertinya pertukaran program atas arahan universiti ke atas pelajar yang didapati tiada keupayaan untuk meneruskan pengajian dalam program tersebut;

“**Semester**” ertinya sistem pengajian yang menggunakan tempoh masa yang ditetapkan oleh Senat di dalam sesuatu sesi;

“**Sesi**” ertinya tahun akademik yang tarikhnya ditetapkan oleh Senat;

“**Universiti**” ertinya Universiti Kebangsaan Malaysia.

4.0 SKOP

4.1 Garis Panduan ini adalah sebagai salah satu intervensi awal yang boleh digunakan oleh F//P dalam menangani isu kesihatan pelajar.

4.2 Kategori keupayaan pelajar untuk meneruskan pengajian mungkin terjejas tertakluk tetapi tidak terhad kepada keadaan berikut:

4.2.1 keperluan mendesak pada mana-mana tempoh pengajian yang melibatkan masalah kesihatan fizikal atau mental pelajar yang menjejaskan prestasi akademik atau menimbulkan tingkah laku berisiko yang menjejaskan kesihatan, keselamatan, kesejahteraan atau keupayaan orang lain dalam pembelajaran atau kehidupan di Universiti; atau

4.2.2 pelajar telah menangguhkan pengajian sebanyak lima (5) semester bagi F//P yang menggunakan sistem penangguhan mengikut semester atas sebab masalah kesihatan, sama ada fizikal atau mental dan F//P mencadangkan pemberhentian pelajar; atau

4.2.3 pelajar telah menangguhkan pengajian sebanyak dua (2) sesi akademik bagi F//P yang menggunakan sistem penangguhan mengikut sesi akademik atas

sebab masalah kesihatan, sama ada fizikal atau mental dan F/I/P mencadangkan pemberhentian pelajar; atau

- 4.2.4 kebimbangan mengenai keupayaan pelajar untuk meneruskan pengajian yang dinyatakan oleh pihak lain seperti pensyarah, rakan, ahli keluarga, kaunselor dan disahkan oleh pegawai/pakar perubatan kerajaan.

5.0 JAWATANKUASA

5.1 Jawatankuasa Semakan Kes (JSK)

- 5.1.1 JSK merupakan jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat F/I/P yang bertujuan untuk membuat semakan dan penelitian awal kes sebelum dikemukakan ke JPKPP untuk pengesyoran ke JKAS dan Senat.

5.1.2 Keahlian:

- a. Dekan/ Pengarah atau wakilnya (Pengerusi);
- b. Timbalan Dekan/ Timbalan Pengarah atau wakilnya (Ahli);
- c. Ketua Jabatan/ Pusat/ Program (Ahli);
- d. Wakil ahli akademik jabatan/ pusat/ program (Ahli);
- e. Pegawai Perubatan Universiti/ Pengadu/ Pelajar (Jemputan – sekiranya perlu); dan
- f. Penolong Pendaftar (Setiausaha)

Nota: Jawatankuasa boleh memanggil mana-mana individu berkaitan untuk hadir dalam mesyuarat apabila diperlukan untuk memberi penjelasan, pandangan atau maklumat bagi membantu Jawatankuasa. Korum mesyuarat adalah 1/3 daripada ahli.

5.1.3 Terma rujukan JSK ialah:

- a. menyemak dokumen pembuktian berkaitan kes;
- b. membuat syor berdasarkan penelitian ke atas bukti dan keterangan daripada Pegawai Perubatan Universiti/Pengadu/Pelajar.

- 5.1.4 Kekkerapan mesyuarat JSK adalah bergantung kepada isu atau kes yang berlaku.

5.2 Jawatankuasa Penilaian Keupayaan Pengajian Pelajar (JPKPP)

- 5.2.1 JPKPP merupakan jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Universiti dan bertujuan membuat penilaian kes seperti yang dinyatakan pada Perkara 4.2.

5.2.2 Keahlian:

- a. Pengarah Pusat Kesihatan Universiti (PKU) atau wakil tetap (Pengerusi);
- b. Pengarah Pusat Pengurusan Akademik (Ahli) atau wakilnya;
- c. Pengarah Hal Ehwal Pelajar atau wakil tetap (Ahli);

- d. Dekan/Pengarah F/I/P berkaitan (Ahli);
- e. Penasihat Undang-Undang atau wakil tetap (Ahli);
- f. Timbalan Pengarah (Pengurusan Risiko), ROSH UKM (Ahli) atau wakilnya;
- g. Pakar Perubatan / Pegawai Psikologi Klinikal/ Kaunselor Hal Ehwal Pelajar (Jemputan – sekiranya perlu);
- h. Timbalan Pengarah (Governans Akademik) atau wakilnya (Setiausaha); dan
- i. Unit Pendaftaran Prasiswazah/ Pascasiswazah, Pusat Pengurusan Akademik, (Urus setia).

Nota: Jawatankuasa boleh memanggil mana-mana individu berkaitan untuk hadir dalam mesyuarat apabila diperlukan untuk memberi penjelasan, pandangan atau maklumat bagi membantu Jawatankuasa. Korum mesyuarat adalah 1/3 daripada ahli.

5.2.3 Terma rujukan JPKPP ialah:

- a. menilai pembuktian dan dokumen yang dikemukakan oleh JSK;
- b. memulangkan kes kepada JSK sekiranya maklumat tidak mencukupi atau tidak jelas; dan
- c. memperakukan syor JSK atau mencadangkan syor alternatif untuk perakuan JKAS dan kelulusan Senat bergantung kepada kesesuaian kes.

5.3 Kekерapan mesyuarat JPKPP adalah bergantung kepada iisu atau kes yang dikemukakan oleh JSK.

6.0 TATACARA PENILAIAN

6.1 Tatakara penilaian melibatkan dua (2) fasa iaitu:

6.1.1 Fasa 1 iaitu semakan kes oleh Jawatankuasa Semakan Kes (JSK) di peringkat F/I/P. Borang seperti di lampiran 1;

6.1.2 Fasa 2 iaitu penilaian kes oleh Jawatankuasa Penilaian Keupayaan Pengajian Pelajar (JPKPP) bagi kes yang disyorkan oleh JSK. Borang seperti di Lampiran 2.

6.2 Fasa 1: Semakan Kes oleh Jawatankuasa Semakan Kes (JSK)

6.2.1 Tujuan semakan kes adalah untuk menentukan sama ada terdapat merit kes atau keperluan yang mencukupi berdasarkan keadaan yang dinyatakan pada Perkara 4.2.

6.2.2 Sekiranya terdapat merit kes, JSK perlu membuat siasatan dalaman.

6.2.3 Dalam mesyuarat JSK, ahli perlu memastikan bahawa keputusan yang dibuat mengambil kira rekod pemantauan/ perkhidmatan sokongan yang telah dilaksanakan oleh F/I/P kepada pelajar.

6.2.4 Syor oleh JSK untuk dirujuk kepada JPKPP adalah seperti berikut: -

- a. Pemberhentian pelajar dalam mana-mana semester,
- b. Pertukaran Program Terpaksa (PPT) yang tidak mendapat persetujuan pelajar disebabkan faktor kesihatan dalam mana-mana semester.

6.3 Fasa 2: Penilaian Kes oleh Jawatankuasa Penilaian Keupayaan Pengajian Pelajar (JPKPP)

6.3.1 JPKPP adalah bertanggungjawab untuk meneliti dan menilai syor yang dimajukan oleh JSK dan seterusnya memperakukan syor oleh JSK atau mencadangkan syor alternatif kepada JKAS mengenai hal ehwal keupayaan pengajian pelajar.

6.3.2 Antara syor alternatif yang boleh dibuat oleh JPKPP kepada JKAS dan Senat termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara berikut:

- a. pelajar masih berupaya untuk belajar dan meneruskan pengajian mereka;
- b. pelajar masih berupaya untuk meneruskan pengajian tetapi memerlukan sokongan akademik atau lain-lain yang disyorkan berserta pelan tindakan oleh F/I/P;
- c. pelajar tidak layak atau tidak berupaya untuk meneruskan pengajian dan penangguhan sukarela disyorkan, dengan atau tanpa syarat untuk kembali meneruskan pengajian;
- d. pelajar tidak layak atau tidak berupaya untuk meneruskan pengajian dalam program tersebut dan disyorkan Pertukaran Program Terpaksa (PPT); atau
- e. pelajar tidak layak atau tidak berupaya untuk meneruskan pengajian dan disyorkan menarik diri daripada pengajian

6.3.3 Universiti berhak memberhentikan pelajar daripada pengajian jika pelajar ingkar dengan apa jua syor yang diluluskan JKAS dan Senat.

7.0 **AKTA, PERLEMBAGAAN UNIVERSITI, STATUT, KAEDAH, PERATURAN DAN LAIN-LAIN**

7.1 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Akta, Perlembagaan UKM, Statut, Peraturan, Kaedah, Pekeliling dan Arahan-arahan lain yang diterima pakai oleh Universiti termasuk pindaan-pindaan terhadapnya dari semasa ke semasa.

8.0 PENGUATKUASAAN

- 8.1 Garis Panduan Penilaian Keupayaan Pengajian Pelajar ini diluluskan oleh Senat berkuat kuasa mulai 24 September 2025; dan
- 8.2 Garis panduan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat dari semasa ke semasa hendaklah berkuat kuasa terhadap semua pelajar berdaftar pada dan selepas tarikh berkuat kuasa garis panduan ini.


9.0 SUMBER RUJUKAN

- 9.1 Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjana Muda) 2024
- 9.2 Peraturan-Peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah) 2021.

Disediakan oleh:

Unit Dasar,
Pusat Pengurusan Akademik,
Universiti Kebangsaan Malaysia
25 Ogos 2025

CARTA ALIR PENILAIAN KEUPAYAAN PENGAJIAN PELAJAR



**JAWATANKUASA
GARIS PANDUAN PENILAIAN KEUPAYAAN PENGAJIAN PELAJAR**

Pengerusi

Prof. Madya Dr. Irman Abdul Rahman

Timbalan Pengerusi

Prof. Madya Dr. Zariyantey Abdul Hamid

Ahli Jawatankuasa

Prof. Datin Dr. Norlinah Binti Mohamed Ibrahim

Prof. Madya Dr. Jemaima Binti Che Hamzah

Prof. Madya Dr. Azlin Binti Baharudin

Dr. Masdalina Binti Azhari

Dr. Noh Bin Amit


En. Basir Bahir

Puan Muniroh Binti Abdul Razak

Puan Zaimi Makhtar

Puan Syazriza Zulkapli

Puan Rafidah Hasan

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	LAMPIRAN C: GARIS PANDUAN PENILAIAN KEUPAYAAN PENGAJIAN PELAJAR UKM 2025	Tarikh Kuat Kuasa: 01/10//2025
	BORANG SEMAKAN KES KEUPAYAAN PENGAJIAN PELAJAR <i>(Fit for study case review form)</i>	

Bahagian A: Maklumat Diri Pelajar *(Dilengkapkan oleh Urus setia Fakulti/Institut)*
Part A: Student's Detail (To be completed by the Secretariat of Faculty/Institute)

Nama (Name)			
No. Matrik Pelajar <i>(student's matrix number)</i>		Fakulti / Institut /Pusat <i>(Faculty / Institute/ Centre)</i>	
No. Telefon <i>(Telephone Number)</i>		Email (E-mail)	
Warganegara <i>(Nationality)</i>	Malaysia <i>(Malaysia)</i> <input type="checkbox"/>	Antarabangsa <i>(International)</i> <input type="checkbox"/>	
Tahap Pengajian <i>(Level of study)</i>	Doktor Falsafah <i>(Doctor of Philosophy)</i> <input type="checkbox"/>	Sarjana <i>(Masters)</i> <input type="checkbox"/>	Sarjana Muda <i>(Undergraduate)</i> <input type="checkbox"/>
		Diploma Pascasiswazah <i>(Postgraduate Diploma)</i> <input type="checkbox"/>	
Program Pengajian <i>(Programme of study)</i>			
Bentuk Pendaftaran <i>(Form of registration)</i>	Sepenuh Masa <i>(Full Time)</i> <input type="checkbox"/>	Sepenuh Masa <i>(Full Time)</i> <input type="checkbox"/>	
Mod pengajian <i>(Mode of registration)</i>	Penyelidikan <i>(Research)</i> <input type="checkbox"/>	Campuran <i>(Mixed mode)</i> <input type="checkbox"/>	Kerja Kursus <i>(Coursework)</i> <input type="checkbox"/>
Rekod Penangguhan pengajian. <i>(Record of study deferment.)</i>	Semester dan Sesi <i>(Semester and Session)</i>		Alasan penangguhan <i>(Reason for Deferment)</i>
Kategori Kes <i>(Sertakan dokumen sokongan)</i> <i>Case Category (Attach supporting document)</i>	<input type="checkbox"/>	Masalah Kesihatan Fizikal <i>(Physical Health Issues)</i>	
	<input type="checkbox"/>	Masalah Kesihatan mental <i>(Mental Health Issues)</i>	
	<input type="checkbox"/>	Aduan oleh pihak lain berkaitan keupayaan pelajar meneruskan pengajian. <i>(Complaint by a third party regarding the student's ability to continue study)</i>	
	<input type="checkbox"/>	Lain-lain <i>(Others)</i> _____	

Bahagian B: Senarai Semak Dokumen (Disemak oleh Penolong Pendaftar)*Part B : Checklist for Documents (Verify by Assistant Registrar)*

Bil	Dokumen/Documents	Tandakan (/) Tick (/)
1.	Laporan SPDP rekod semester penangguhan pengajian. Pelajar telah menggunakan 5 semester penangguhan atau 2 sesi akademik. <i>(SPDP report, study deferment record. The student has deferred studies for a total of 5 semesters or 2 academic sessions.)</i>	
2.	Laporan Akademik Pelajar <i>(Student's Academic Report)</i>	
3.	Rekod pemantauan/ perkhidmatan sokongan yang telah dilaksanakan oleh F/I/P kepada pelajar. <i>(Monitoring records/support services provided by the Faculty/Institute/Centre to the student)</i>	
4.	Laporan Kesihatan Fizikal atau Laporan Mental pelajar oleh Pegawai Perubatan/Kaunselor. Laporan menunjukkan bukti kesihatan fizikal atau mental pelajar yang serius. <i>(Physical or mental health report by Medical Officer/Counsellor. Report indicates evidence of serious physical or mental health condition.)</i>	
5.	Bukti aduan oleh pihak lain berkaitan keupayaan pelajar meneruskan pengajian. <i>(Evidence of Complaint by a third party regarding the student's ability to continue study)</i>	
6.	Dokumen Sokongan lain; <i>(Other Supporting Documents):</i> 	

Bahagian C: Pengesahan Pegawai/Ketua Program/Timbangan Dekan*Part C: Verification by Officer/Programme Head/Deputy Dean*Ulasan (*Remarks*):

Tandatangan : _____
(*Signature*)
Nama dan capTarikh : _____
(*Date*)

Bahagian D: Perakuan Jawatankuasa Semakan Kes (JSK)*Part D : Endorsement by Case Review Committee (JSK)*

Perakuan mesyuarat Jawatankuasa Semakan Kes perlu disertakan dengan minit mesyuarat.
(*Endorsement from Case Review Committee Meeting must be enclosed with minutes of meeting*):

Bil	Syor (Recomendation)	Tandakan (!) Tick (!)
1.	Pemberhentian pelajar dalam mana-mana semester. (<i>Termination of student in any semester</i>)	
2.	Pertukaran Program Terpaksa (PPT) yang tidak mendapat persetujuan pelajar disebabkan faktor kesihatan dalam mana-mana semester. (<i>Forced Programme Transfer (PPT) without student consent due to health reasons in any semester</i>)	
3.	Lain-lain (<i>Others</i>); 	
	i. Tangguh pengajian (<i>Deferment of study</i>)	ii. Meneruskan pengajian dengan intervensi sokongan (<i>Continue study with supportive intervention</i>)


Nota: Hanya syor 1 atau 2 perlu dibawa ke mesyuarat JPKPP untuk penilaian kes.

Note: Only Recommendation 1 or 2 must be submitted to JPKPP meeting for case evaluation.

Tandatangan Pengerusi JSK
(*Signature of JSK Chairperson*) :

Nama dan Cap Rasmi :
(*Name and Official Stamp*)

Tarikh(*Date*) : _____

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	LAMPIRAN D: GARIS PANDUAN PENILAIAN KEUPAYAAN PENGAJIAN PELAJAR UKM 2025	Tarikh Kuat Kuasa: 01/10/2025
	BORANG PENILAIAN KEUPAYAAN PENGAJIAN PELAJAR (Fit for study Assessment Form)	

Bahagian A: Maklumat Diri Pelajar (Dilengkapkan oleh Urus setia Fakulti/Institut)
Part A: Student's Detail (To be completed by the Secretariat of Faculty/Institute)

Nama (Name)			
No. Matrik Pelajar <i>(student's matrix number)</i>		Fakulti / Institut <i>(Faculty / Institute)</i>	
Tahap Pengajian <i>(Level of study)</i>	Doktor Falsafah <i>(Doctor of Philosophy)</i>	<input type="checkbox"/>	Sarjana <i>(Masters)</i>
	Diploma Pascasiswazah <i>(Postgraduate Diploma)</i>	<input type="checkbox"/>	Sarjana Muda <i>(Undergraduate)</i>
Rekod Penangguhan pengajian. <i>(Record of study deferment.)</i>	Semester dan Sesi <i>(Semester and Session)</i>	Alasan penangguhan <i>(Reason for Deferment)</i>	

Bahagian B: Senarai Semak Dokumen (Disemak oleh Urus setia JPKPP)
Part B : Checklist for Documents (Verify by JPKPP Secretariat)

Bil	Dokumen (Documents)	Tandakan (/ atau X) Tick (/ or X)
1.	Laporan SPDP rekod semester penangguhan pengajian. Pelajar telah menggunakan 5 semester penangguhan atau 2 sesi akademik. <i>(SPDP report on deferment record. The student has utilised 5 semesters or 2 academic sessions of deferment.)</i>	
2.	Laporan Akademik Pelajar <i>(Student's Academic Report)</i>	
3.	Rekod pemantauan/ perkhidmatan sokongan yang telah dilaksanakan oleh F/I/P kepada pelajar. <i>(Monitoring records/support services provided by the Faculty/Institute/Centre to the student)</i>	
4.	Laporan Kesihatan Fizikal atau Laporan Mental pelajar oleh Pegawai Perubatan/Kaunselor. Laporan menunjukkan bukti kesihatan fizikal atau mental pelajar yang serius. <i>(Physical or mental health report by Medical Officer/Counsellor. Report indicates serious health condition)</i>	

5.	Bukti aduan oleh pihak lain berkaitan keupayaan pelajar meneruskan pengajian. (<i>Evidence of Complaint by a third party regarding the student's ability to continue study</i>)	
6.	Borang semakan kes keupayaan pengajian pelajar (<i>Fit for study case review form</i>)	
7.	Minit mesyuarat Jawatankuasa Semakan Kes (JSK) (<i>Minutes of JSK meeting</i>)	
8.	Dokumen lain (<i>Other Documents</i>):	

Tandatangan : _____
(*Signature*)
Nama dan cop

Tarikh : _____
(*Date*)

Bahagian C: Perakuan Jawatankuasa Penilaian Keupayaan Pengajian Pelajar (JPKPP)

Part C: Endorsement by Student Academic Capability Evaluation Committee

Perakuan mesyuarat JPKPP perlu disertakan dengan minit mesyuarat.

(*Endorsement from JPKPP must be enclosed with minutes of meeting*):

Bil	Syor (<i>Recomendation</i>)	Tandakan (/ atau X) <i>Tick (/ or X)</i>
1.	Meneruskan pengajian. (<i>Continue study</i>)	
2.	Meneruskan pengajian dengan sokongan akademik dan intervensi. (<i>Continue study with academic and intervention supportive</i>)	
3.	Penangguhan sukarela dengan atau tanpa syarat. (<i>Voluntary Deferment with and without conditions</i>)	
4.	Menarik diri daripada pengajian (<i>Withdraw from studies</i>)	
5.	Pertukaran Program Terpaksa (PPT) yang tidak mendapat persetujuan pelajar (<i>Forced Programme Transfer (PPT) without student consent</i>) Cadangan program 1: _____ (<i>Proposed programme 1</i>) Cadangan program 2: _____ (<i>Proposed programme 2</i>)	

6.	Pemberhentian pelajar dalam mana-mana semester. (<i>Termination of student in any semester</i>)	
7.	Lain-lain syor (<i>other recommendations</i>) _____ _____	

Tandatangan Pengerusi JPKPP
(*Signature of JPKPP Chairperson*) :

Nama dan Cap Rasmi :
(*Name and Official Stamp*)

Tarikh(*Date*) : _____